

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Isnin, 26 Mei 2025



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

STATISTIK KAPASITI PENGGUNAAN INDUSTRI PEMBUATAN SUKU PERTAMA 2025

Kapasiti penggunaan industri Pembuatan mencapai 81.8 peratus pada suku pertama 2025

PUTRAJAYA, 26 MEI 2025 – Kapasiti penggunaan industri Pembuatan mencapai 81.8 peratus pada suku pertama 2025. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan dalam keluaran **Statistik Kapasiti Penggunaan Industri Pembuatan, Malaysia, Suku Pertama 2025** pada hari ini.

Mengulas laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "Industri Pembuatan beroperasi dengan kapasiti penggunaan 81.8 peratus pada suku pertama 2025, meningkat sebanyak 1.0 mata peratus berbanding suku tahun yang sama tahun sebelumnya (ST1 2024: 80.8%). Ini adalah selari dengan prestasi Indeks Pengeluaran Perindustrian bagi sektor Pembuatan yang meningkat 4.2 peratus tahun ke tahun pada suku berkenaan. Pada suku pertama 2025, subsektor yang mencatatkan kapasiti penggunaan melebihi 80 peratus dengan kadar tertinggi direkodkan oleh subsektor Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka; pada 85.2 peratus, meningkat 2.3 mata peratus. Ini diikuti dengan peningkatan 2.5 mata peratus dalam subsektor Produk tekstil, pakaian, kulit & kasut pada kadar 82.6 peratus. Perbandingan suku tahun ke suku tahun, kapasiti penggunaan industri Pembuatan merekodkan penurunan kecil 0.1 mata peratus (ST4 2024: 81.9%)."

Peningkatan tahun ke tahun dalam prestasi kapasiti penggunaan bulanan direkodkan sepanjang suku pertama 2025 iaitu Januari 2025 (81.8%; +0.9 mata peratus), Februari 2025 (81.2%; +1.4 mata peratus) dan Mac 2025 (82.5%; +0.8 mata peratus).

Ketua Perangkawan menambah, "Kapasiti penggunaan bagi industri berorientasikan eksport pada suku tahun ini meningkat 1.1 mata peratus tahun ke tahun kepada 80.6 peratus (ST1 2024: 79.5%). Kadar tertinggi dicatatkan dalam subsektor Pembuatan perabot; dan Pembuatan jentera & peralatan t.t.t.l. yang masing-masing meningkat sebanyak 0.4 mata peratus kepada 88.4 peratus dan naik 2.2 mata peratus kepada 85.9 peratus. Namun begitu, tiga industri merekodkan kapasiti penggunaan di bawah 80 peratus iaitu Pembuatan minyak & lemak daripada sayuran & haiwan (72.8%); Pembuatan kayu & produk kayu & gabus, kecuali perabot, pembuatan bagi artikel jerami & bahan-bahan anyaman (75.4%); dan Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal (79.2%). Berbanding suku keempat 2024, kadar kapasiti penggunaan bagi industri berorientasikan eksport menurun secara marginal 0.3 mata peratus daripada 80.9 peratus pada suku tahun sebelumnya.

Selain itu, kapasiti penggunaan industri berorientasikan domestik kekal positif walaupun pada kadar yang lebih perlahan iaitu 0.9 mata peratus kepada 84.5 peratus pada suku pertama 2025. Kebanyakan industri dalam segmen ini mencatatkan kadar kapasiti penggunaan tertinggi terutamanya ialah Pembuatan produk logam, kecuali mesin dan kelengkapan (+3.4 mata peratus; 86.6%); dan Pembuatan produk galian bukan logam lain (+1.8 mata peratus; 87.3%). Sementara itu, Pembuatan kenderaan bermotor, treler & semi treler merekodkan penurunan untuk mencatatkan kadar 82.9 peratus; dan diikuti oleh industri Pembuatan kertas & produk kertas dengan 77.9 peratus. Faktor-faktor seperti permintaan yang rendah; bekalan bahan yang tidak mencukupi; dan pembaikan & penyelenggaraan mesin & kelengkapan kekal sebagai punca utama kepada kapasiti penggunaan tidak penuh dalam industri Pembuatan. Berbanding suku tahun sebelumnya, kapasiti penggunaan industri berorientasikan domestik meningkat 0.6 mata peratus daripada 83.9 peratus."

Kadar kapasiti penggunaan industri Pembuatan bagi tujuh buah negeri telah melepasi kadar nasional pada suku pertama tahun 2025, iaitu WP Labuan (98.5%); Terengganu (86.7%); Johor (85.2%); Pahang (84.5%); Melaka (84.2%); Selangor (83.6%); dan Negeri Sembilan (83.0%). Manakala, kadar kapasiti penggunaan terendah dicatatkan oleh negeri Kelantan sebanyak 66.2 peratus menurun 3.6 mata peratus berbanding suku yang sama tahun sebelumnya.


Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW), mengatasi 198 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Carta 1: Kapasiti Penggunaan Industri Pembuatan – Tahunan, Suku Tahunan dan Bulanan



Carta 2: Kapasiti Penggunaan Industri Pembuatan mengikut Subsektor, ST1 2025 berbanding ST1 2024 dan ST4 2024




Carta 3: Kapasiti Penggunaan Industri Pembuatan mengikut Negeri, ST1 2025



Nota: * termasuk WP Putrajaya

Carta 4: Kapasiti Penggunaan Industri Pembuatan bagi Industri Berorientasikan Eksport dan Berorientasikan Domestik, ST1 2022 – ST1 2025



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
26 MEI 2025

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Monday, May 26th 2025



MEDIA STATEMENT

**MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

MANUFACTURING INDUSTRY CAPACITY UTILISATION STATISTICS FIRST QUARTER 2025

***The Manufacturing industry capacity utilisation reached
81.8 per cent rate in the first quarter of 2025***

PUTRAJAYA, MAY 26, 2025 – The Manufacturing industry capacity utilisation reached 81.8 per cent rate in the first quarter of 2025. The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) reported today in the release of **Manufacturing Industry Capacity Utilisation Statistics, Malaysia, First Quarter 2025**.

Commenting on the report, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, the Chief Statistician said, "The Manufacturing industry operated at 81.8 per cent of capacity utilisation in the first quarter of 2025, increased by 1.0 percentage points compared to the same quarter of the preceding year (Q1 2024: 80.8%). Inline with the performance of Industrial Production Index of Manufacturing sector, which increased 4.2 per cent year-on-year during this quarter. In the first quarter of 2025, sub-sectors posted capacity utilisation above 80 per cent, with the highest rate recorded by the Non-metallic mineral products, basic metal & fabricated metal products sub-sector at 85.2 per cent increased 2.3 percentage points. This was followed by the increased 2.5 percentage points in the Textiles, wearing apparel, leather & footwear with a rate of 82.6 per cent. On a quarter-on-quarter comparison, the capacity utilisation of the Manufacturing industry recorded a mild declined of 0.1 percentage points (Q4 2024: 81.9%)."

The year-on-year increase in monthly capacity utilisation performance was recorded throughout the first quarter of 2025, which was January 2025 (81.8%; +0.9 percentage

points); February 2025 (81.2%; +1.4 percentage points); and March 2025 (82.5%; +0.8 percentage points).

The Chief Statistician added, “The capacity utilisation in the export-oriented industries increased during this quarter, by 1.1 percentage points year-on-year to 80.6 per cent (Q1 2024: 79.5%). The highest rate resulted in the Manufacture of furniture; and Manufacture of machinery & equipment n.e.c. sub-sectors, which rise by 0.4 percentage points to 88.4 per cent and up by 2.2 percentage points to 85.9 per cent respectively. Nonetheless, three industries recorded the capacity utilisation below 80 per cent namely Manufacture of vegetable & animal oils & fats (72.8%); Manufacture of wood & products of wood & cork, except furniture, manufacture of articles of straw & plaiting materials (75.4%); and Manufacture of computer, electronics & optical products (79.2%). As compared to the fourth quarter of 2024, the capacity utilisation rate of the export-oriented industries declined marginally by 0.3 percentage points from 80.9 per cent in the preceding quarter.

In addition, the domestic-oriented capacity utilisation industries remained positive albeit at a slower rate of 0.9 percentage points to 84.5 per cent in first quarter of 2025. Most of the industries in this segment posted the higher utilisation rates, particularly in the Manufacture of fabricated metal products, except machinery & equipment (+3.4 percentage points; 86.6%); and the Manufacture of other non-metallic mineral products (+1.8 percentage points; 87.3%). Nevertheless, Manufacture of motor vehicles, trailers & semi-trailers recorded a decline to register a rate of 82.9 per cent; and followed by the Manufacture of paper and paper products industry with 77.9 per cent. Factors such as low demand; insufficient supply of materials; and the repair & maintenance of machinery & equipment remained as the main cause of the under-utilisation of capacity in the Manufacturing industry. As compared to the last quarter, the capacity utilisation in the domestic-oriented industries were up by 0.6 percentage points from 83.9 per cent.”

The Manufacturing industry capacity utilisation for seven states surpassed the national rate in the first quarter of 2025, namely WP Labuan (98.5%); Terengganu (86.7%); Johor (85.2%); Pahang (84.5%); Melaka (84.2%); Selangor (83.6%); and Negeri Sembilan (83.0%). Whereas, the lowest capacity utilisation rate posted by Kelantan with 66.2 per cent decreased by 3.6 percentage points as compared to the same quarter last year.

ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15th ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aims to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.


Malaysia, for the first time, ranked as number one (1) globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 198

other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

The Government of Malaysia has declared October 20th as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life'. Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20th October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

**Chart 1: Manufacturing Industry Capacity Utilisation –
Yearly, Quarterly and Monthly**



**Chart 2: Manufacturing Industry Capacity Utilisation by Sub-sector,
Q1 2025 as against Q1 2024 and Q4 2024**






Chart 3: Manufacturing Industry Capacity Utilisation by State, Q1 2025



*Note: * includes WP Putrajaya*

**Chart 4: Manufacturing Industry Capacity Utilisation of the
Export-oriented and Domestic-oriented Industries, Q1 2022 – Q1 2025**



Released by:
THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
26 MAY 2025